

.....

**PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SECARA  
BERSEMUKA DAN SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH  
BAGI SESI AMBILAN JANUARI 2021**

.....

**1. PENDAHULUAN**

- (a) Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) akan mengadakan Pendaftaran Pelajar Baharu Secara Bersemuka dan Secara Dalam Talian (Online) bagi Sesi Ambilan Januari 2021.
- (b) Pendaftaran Secara Bersemuka dibuka kepada pelajar-pelajar baharu yang berasal dari negeri-negeri Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Pendaftaran Secara Dalam Talian (Online) pula disediakan untuk pelajar-pelajar yang berasal dari negeri-negeri Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan daerah / mukim dalam Zon Merah di negeri-negeri PKPP.
- (c) Penentuan negeri PKPP / PKPB dan Zon Hijau / Merah dibuat berdasarkan ketetapan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 1 Januari 2021. Sila rujuk <http://covid-19.moh.gov.my> dan Lampiran A untuk maklumat lanjut.
- (d) Pendaftaran Secara Dalam Talian (Online) ini bertujuan untuk memutuskan rantai jangkitan wabak pandemik Covid-19 yang masih menular pada masa ini.

## 2. PENDAFTARAN SECARA BERSEMUKA

### (a) Ketetapan

- i) Tarikh : 4 Januari 2021 (Isnin)
- ii) Masa : 9.00 pagi – 1.00 tengahari
- iii) Tempat : Dewan Utama KUIPSAS
- iv) Pendaftaran selepas ketetapan ini akan diadakan di Pejabat Jabatan Perhubungan Korporat KUIPSAS pada hari Isnin – Jumaat jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang.

### (b) Proses Pendaftaran melibatkan :

- i) Semakan Kelayakan Masuk : Sila tunjukkan Sijil Asal / Slip Keputusan Asal / Traskrip Penuh Asal – SPM / STPM / STAM / Diploma / Ijazah Sarjana Muda / MUET.
- ii) Pendaftaran : Pelajar akan diberikan Slip Pendaftaran.
- iii) Bayaran Yuran Pendaftaran :
  - Jika anda sudah membuat bayaran deposit Yuran Pendaftaran, sila tunjukkan slip transaksi bank.
  - Buat bayaran baki Yuran Pendaftaran.
  - Dapatkan Resit Rasmi bayaran Yuran Pendaftaran.
- iv) Bilik Asrama :
  - Diberikan kunci bilik asrama.
  - Diberikan peralatan Minggu Aluan Siswa (MAS).

### (c) SOP Pendaftaran Secara Bersemuka – sila rujuk Lampiran B.

### (d) 'Lay-out' Dewan Utama KUIPSAS – sila rujuk Lampiran C.

### 3. PENDAFTARAN SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)

(a) Ketetapan

- i) Tarikh : 4 Januari 2021 sehingga 31 Januari 2021
- ii) Masa : Bermula 9.00 pagi (4 Jan 2021) sehingga 11.59 malam (31 Jan 2021)
- iii) Platform : Laman web KUIPSAS – [www.kuipsas.edu.my](http://www.kuipsas.edu.my)

(b) Keperluan Teknikal

- i) Peranti : komputer riba, telefon bimbit, tablet atau peranti mudah alih yang lain.
- ii) Pelayar web
- iii) Sambungan Internet

(c) Proses Pendaftaran

- i) Layari laman web KUIPSAS
- ii) Klik banner Pendaftaran Pelajar Baharu Ambilan Januari 2021



iii) Seksyen 2, masukkan :

- Nama Penuh
- Nombor Kad Pengenalan
- Nombor Telefon Bimbit
- Alamat Emel
- Program Yang Hendak Didaftarkan

- iv) Seksyen 3, muat naik gambar slip transaksi bank sebagai bukti bayaran deposit Yuran Pendaftaran.
- v) Seksyen 4, muat naik dokumen :
- Semua pelajar baharu mesti memuat naik :
    - a. Gambar MyKad - depan sahaja
    - b. Gambar Ukuran Passport Terkini
  - Pemohon Program Diploma mesti memuat naik :
    - a. Gambar Slip Keputusan SPM
  - Pemohon Program Ijazah Sarjana Muda mesti memuat naik :
    - a. Gambar Sijil / Slip Keputusan SPM
    - b. Gambar Sijil / Slip STPM atau STAM; atau
    - c. Gambar Skrol Diploma / Asasi / Matrikulasi atau Transkrip Penuh atau Surat Pengesahan Tamat Pengajian
    - d. Gambar Slip Keputusan MUET (jika mendaftar Ijazah Bahasa Inggeris dan Ijazah Perakaunan sahaja)
  - Pemohon Program Sarjana mesti memuat naik :
    - a. Gambar Skrol Ijazah Sarjana Muda atau terjemahan
    - b. Transkrip Penuh Ijazah Sarjana Muda atau terjemahan
  - NOTA : Format dokumen ialah JPEG / PNG / PDF. Saiz maksimum ialah 10MB.
- vi) Seksyen 5 – sila perakukan segala maklumat yang diberikan adalah benar.
- vii) Seksyen 6 – sila tentukan kaedah pemakluman status pendaftaran.
- viii) Seksyen 7 – klik butang Submit untuk menghantar semua maklumat.
- (d) Tempoh Maklum Balas : 2 hari bekerja untuk menerima maklum balas status pendaftaran.

- (e) Pembayaran Yuran Pendaftaran :
  - i) Bayaran deposit Yuran Pendaftaran yang telah dibuat sebelum pendaftaran hendaklah dibuktikan dengan memuat naik gambar slip transaksi bank.
  - ii) Pemohon digalakkan membuat bayaran baki Yuran Pendaftaran melalui akaun bank KUIPSAS. Gambar slip transaksi bank hendaklah dimuat naik pada Seksyen 3 pendaftaran online.

#### **4. PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN**

- (a) Pendaftaran Bersemuka
  - i) Pertukaran boleh dibuat sebelum pelajar didaftarkan. Sila maklumkan kepada petugas di Kaunter Pendaftaran.
  - ii) Pertukaran program dibenarkan jika syarat kemasukan program baharu yang dimohon tukar adalah dipenuhi.
  
- (b) Pendaftaran Secara Dalam Talian (Online)
  - i) Pemohon boleh memilih program lain dalam Seksyen 2
  - ii) Pertukaran program dibenarkan jika syarat kemasukan program baharu yang dimohon tukar adalah dipenuhi.

#### **5. NOMBOR HOTLINE / BANTUAN**

- (a) Bagi membantu semua pemohon melakukan pendaftaran secara online dengan lancar, anda boleh menghubungi talian hotline seperti berikut :
  - i) 019-2301003 (En. Hisyam)
  - ii) 019-9899153 / 017-9878865 (Cik Syafira)
  - iii) 017-9727220 (En. Khairul)
  - iv) 013-9002601 (Pn. Hazira)
  - v) 018-9127632 (En. Safuan)

- (b) Nombor hotline akan beroperasi untuk membantu pemohon-pemohon membuat pendaftaran online pada jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

## **6. TEMUDUGA CALON DIPLOMA KAUNSELING ISLAM**

- (a) Semua pemohon yang mendaftar sebagai pelajar baharu Diploma Kaunseling Islam perlu melalui sesi temuduga sebelum mendaftar.
- (b) Jika mendaftar secara bersemuka, temuduga akan diadakan di Dewan Utama KUIPSAS. Jika pendaftaran secara online, temuduga akan dijalankan secara dalam talian (online).
- (c) Pensyarah-pensyarah Jabatan Psikologi dan Kaunseling KUIPSAS akan menghubungi pelajar-pelajar yang mendaftar secara online untuk menetapkan tarikh dan masa sesi temuduga akan dijalankan.
- (d) Maklumat lanjut berkaitan sesi temuduga ini boleh diajukan kepada Pn. Nur Yani bt. Hussin di talian 019-3034470.

## **7. MINGGU ALUAN SISWA (PROGRAM ORIENTASI) SECARA HYBRID**

- (a) Minggu Aluan Siswa (MAS) akan dijalankan 'hybrid' – bersemuka dan dalam talian pada 5 – 6 Januari 2021.
- (b) MAS akan dilaksanakan mengikut SOP yang ditetapkan meliputi taklimat-taklimat penting yang akan disampaikan oleh pihak Pengurusan KUIPSAS.
- (c) Semua pelajar baharu diminta untuk menyertai MAS secara 'hybrid' ini bagi mendapatkan maklumat-maklumat penting mengenai KUIPSAS.

- (d) MAS akan dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dan akan dibantu oleh fasilitator (pelajar lama). Jadual MAS akan diedarkan oleh HEPA selepas selesai pendaftaran.

## **8. PERMULAAN MINGGU AKADEMIK**

- (a) Minggu Akademik bagi Semester 2 Sesi 2021/2021 akan bermula pada 11 Januari 2021.
- (b) Program Pengajian Luar Kampus pula akan dimaklumkan oleh Jabatan Pengurusan Akademik.
- (c) Pembelajaran akan dijalankan secara dalam talian (online).

## **9. KAEDAH PENENTUAN TAWARAN ISTIMEWA KEPADA 100 PENDAFTARAN TERAWAL**

- (a) Mesyuarat Penyelarasan Pendaftaran Pelajar Baharu Ambilan Januari 2021 yang bersidang pada 23 Disember 2020 telah bersetuju bahawa senarai 100 orang terawal mendaftar adalah mereka yang telah menghantar Borang Jawapan dan Gambar Slip Transaksi Bank kepada Jabatan Perhubungan Korporat sebelum hari pendaftaran dan disambung pada hari pendaftaran sehingga cukup 100 orang.
- (b) Kaedah ini hanya ditentukan kepada pelajar baharu dari luar KUIPSAS. Pelajar baharu yang berasal daripada program Diploma KUIPSAS tidak termasuk dalam tawaran istimewa ini.

**10. BORANG DEKLARASI COVID-19 BAGI PELAJAR BARU AMBILAN JANUARI 2021**

- (a) Semua pelajar baharu yang akan hadir mendaftar secara bersemuka di KUIPSAS dikehendaki membuat deklarasasi secara online dalam borang yang disediakan.
- (b) Borang deklarasasi ini boleh dicapai pada pautan : [bit.ly/deklarasikuipsas](https://bit.ly/deklarasikuipsas)
- (c) Semua pelajar baharu yang mengisi borang ini diingatkan supaya memberikan maklumat yang benar bagi mengelakkan daripada timbulnya sebarang kesulitan kepada KUIPSAS pada masa hadapan.

**T A M A T**

Disediakan oleh :  
Jabatan Perhubungan Korporat KUIPSAS  
09-5535555 / 019-9899153  
pro@kuipsas.edu.my

Versi Dokumen : 1  
Tarikh kemas kini : **02 Jan 2021**



**SENARAI NEGERI YANG BERSTATUS PKPB PADA 1 JANUARI 2021**

1. Selangor
2. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
3. Sabah

**SENARAI DAERAH / MUKIM YANG BERSTATUS ZON MERAH PADA  
1 JANUARI 2021**

**STATUS TERKINI COVID-19 MALAYSIA**  
**SENARAI MUKIM MERAH DI MALAYSIA**  
MENGIKUT PERGERAKAN 14 HARI (18 Disember - 31 Disember 2020)  
31.12.2020

<b>LABUAN</b>	
LABUAN	SUBZON 1
	SUBZON 3
<b>SABAH</b>	
KOTA BELUD	-
KENINGAU	-
KOTA KINABALU	DARAT
	LAUT
	LIKAS
	KIONSOM
	PETAGAS
	PANTAI
	LUYANG C
LAHAD DATU	BANDAR
	SILABUKAN
PAPAR	SEGAMA
	LABAK/KINARUT
PENAMPANG	DONGGONGON
	KEPAYAN
	INOBOG
	PENAMPANG BARU
	LOK KAWI
PUTATAN	PAGINATAN
RANAU	-
SEMPORNA	-
SANDAKAN	SENTOSA
	BATU SAPI
TAWAU	SRI TANJUNG
	BALUNG
TUARAN	PANTAI
KINABATANGAN	-
TAMBUNAN	-

**STATUS TERKINI COVID-19 MALAYSIA**  
**SENARAI MUKIM MERAH DI MALAYSIA**  
MENGIKUT PERGERAKAN 14 HARI (18 Disember - 31 Disember 2020)  
31.12.2020

<b>NEGERI SEMBILAN</b>	
SEREMBAN	SETUL
	LABU
	RANTAU
<b>MELAKA</b>	
ALOR GAJAH	MACHAP
JASIN	JASIN
<b>JOHOR</b>	
BATU PAHAT	-
JOHOR BAHRU	TEBRAU
	PLENTONG
	PULAI
	BANDAR
	JELUTONG
KULAI	SENAI
<b>JOHOR</b>	
KLUANG	KLUANG
PONTIAN	API-API
KOTA TINGGI	KOTA TINGGI
MUAR	SG RAYA
<b>PAHANG</b>	
BENTONG	BENTONG
	SABAI
<b>KELANTAN</b>	
KOTA BHARU	PERINGAT
<b>PUTRAJAYA</b>	
PUTRAJAYA	-
<b>LABUAN</b>	
LABUAN	SUBZON 1

SUMBER: CPRC KEBANGSAAN, KKM comms@moh

**STATUS TERKINI COVID-19 MALAYSIA**  
**SENARAI MUKIM MERAH DI MALAYSIA**  
MENGIKUT PERGERAKAN 14 HARI (18 Disember - 31 Disember 2020)  
31.12.2020

<b>SELANGOR</b>	
KUALA SELANGOR	IJOK
	JERAM
	TANJUNG KARANG
SABAK BERNAM	-
SEPANG	DENGKIL
<b>KUALA LUMPUR</b>	
CHERAS	KUALA LUMPUR
KEPONG	PUDU
LEMBAH PANTAI	SEMARAK
TITIWANGSA	SENTUL
	SETIAWANGSA
	WANGSA MAJU
	BATU
	BRICKFIELDS
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	
JELERU	GELAMI LEMI
SEREMBAN	AMPANGAN
	SEREMBAN
	RASAH
<b>SELANGOR</b>	
BUKIT JALIL	
BANGSAR	
DUTA	
KAMPUNG BHARU	
LEMBAH PANTAI	
MANJALARA	
MONT KIARA	
SETAPAK	
PANDAN	
BANDAR TUN RAZAK	
KEPONG	

**STATUS TERKINI COVID-19 MALAYSIA**  
**SENARAI MUKIM MERAH DI MALAYSIA**  
MENGIKUT PERGERAKAN 14 HARI (18 Disember - 31 Disember 2020)  
31.12.2020

<b>KEDAH</b>	
KOTA SETAR	-
<b>PULAU PINANG</b>	
TIMUR LAUT	MUKIM 13
BARAT DAYA	MUKIM 12
SEBERANG PERAI (S)	-
SEBERANG PERAI (T)	-
<b>PERAK</b>	
HILIR PERAK	CHANGKAT JONG
KINTA	IPOH
LABUT, MATANG & SELAMA	TAIPING
<b>SELANGOR</b>	
GOMBAK	BATU
	HULU KLANG
<b>SELANGOR</b>	
	RAWANG
	SETAPAK
HULU LANGAT	AMPANG
	KAJANG
	CHERAS
	SEMENYIH
HULU SELANGOR	SERENDAH
KLANG	KAPAR
	KLANG
KUALA LANGAT	TELUK PANGLIMA GARANG
	TANJUNG DUA BELAS (1)
PETALING	BUKIT RAJA
	DAMANSARA
	PETALING
	SG. BULOH

SUMBER: CPRC KEBANGSAAN, KKM comms@moh

**SOP PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SECARA BERSEMUKA**

1. Mengimbas suhu dan mendaftar masuk aplikasi MySejahtera di Pintu Pagar Utama KUIPSAS.
2. Maklumkan kepada Pengawal Keselamatan negeri asal dan daerah / mukim untuk memastikan hanya negeri PKPP dan Zon Hijau sahaja hadir mendaftar.
3. Hanya 2 orang ahli keluarga sahaja dibenarkan hadir mengiringi pelajar baharu.
4. Kanak-Kanak di bawah umur 12 tahun dan warga emas tidak dibenarkan hadir.
5. Meletakkan kenderaan di kawasan parkir yang telah ditetapkan.
6. Hanya pelajar sahaja dibenarkan masuk ke dalam Dewan Utama. Ahli keluarga yang mengiringi dikehendaki menunggu di dalam kenderaan.
7. Berbaris mengikut giliran untuk masuk ke Dewan Utama dengan penjarakan fizikal 1 meter.
8. Memakai pelitup separuh muka.
9. Mengimbas suhu dan mensanitasi tangan di pintu masuk Dewan Utama.
10. Memakai sarung tangan plastik yang diberikan oleh petugas.
11. Tidak menyentuh secara fizikal di antara pelajar dengan pelajar lain atau dengan petugas pendaftaran.
12. Masuk ke Dewan Utama melalui pintu utama dan keluar melalui pintu kanan dewan berdekatan pentas.
13. Tidak dibenarkan berkumpul sesama pelajar atau bersembang dalam masa yang lama semasa proses pendaftaran.
14. Pelajar yang keadaan kesihatan tidak memuaskan atau bergejala tidak dibenarkan hadir mendaftar.
15. Pelajar yang mempunyai rekod perjalanan ke negeri berisiko dan daerah / mukim Zon Merah dalam tempoh 14 hari tidak digalakkan untuk hadir mendaftar.

LAY-OUT DEWAN UTAMA

